



---

KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 ( )  
Selasa, 2 Mac 2021  
UNTUK SIARAN SEGERA

**KENYATAAN MEDIA**  
**MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**MESYUARAT MAJLIS NEGARA BAGI KERAJAAN TEMPATAN KE-77**  
**(MNKT KE-77)**

---

**PUTRAJAYA, 2 Mac 2021** - Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-77 telah dipengerusikan oleh Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof petang ini secara maya di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Mesyuarat turut disertai oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan YB Datuk Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Kesihatan YB Dato' Sri Adham bin Baba, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, lima orang YB Timbalan Menteri, dua orang Menteri Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak, sepuluh orang EXCO Kerajaan Negeri, Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri serta Ketua-ketua Jabatan/Agensi yang berkaitan.

Mesyuarat telah menimbang dan bersetuju terhadap enam (6) kertas pertimbangan seperti berikut:

**i. Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) dan Pemudahcaraan Pelaksanaan Infrastruktur Digital di Peringkat Negeri**

Mesyuarat telah bersetuju secara prinsip terhadap Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang telah dirangka hasil perbincangan bersama para pemegang taruh dalam sesi Makmal Infrastruktur Digital Negara (NDIL) pada tahun lalu dan telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri

pada 29 Ogos 2020. Pelan ini akan menjadi platform bagi menambah baik tahap perkhidmatan komunikasi digital di bawah Rancangan Malaysia Ke-12.

Bagi memastikan kelancaran dan kelangsungan pelaksanaan projek JENDELA, kerjasama pihak Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap pemudah cara pelaksanaan infrastruktur digital di peringkat Negeri juga amat diperlukan.

**ii. Menjadikan Perkhidmatan Komunikasi sebagai Utiliti Awam Ketiga**

Mesyuarat juga telah bersetuju secara prinsip terhadap cadangan langkah- langkah berikut bagi menjadikan komunikasi sebagai utiliti awam ketiga termasuklah:

- a. pengenalan dasar khusus untuk menjadikan perkhidmatan komunikasi sebagai utiliti awam ketiga;
- b. pewartaan dan penguatkuasaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 pindaan 2011; dan
- c. penerimaan secara dasar pemakaian Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi (GPP-I) sebagai rujukan perancangan infrastruktur di peringkat Negeri.

**iii. Pemakaian Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi (GPP-I)**

Mesyuarat telah bersetuju secara prinsip terhadap Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi (GPP-I) yang boleh digunakan sebagai rujukan oleh Kerajaan Negeri dan PBT bagi tujuan perancangan dan pembangunan infrastruktur komunikasi di Malaysia. Dokumen GPP-I ini juga disasarkan untuk menjadi rujukan pihak berkuasa dalam memberikan ulasan dan nasihat teknikal bagi pembangunan Rancangan Pemajuan serta syor di peringkat Jawatankuasa OSC di PBT.

**iv. Prosedur Permohonan Pemajuan Menara atau Struktur Komunikasi**

Mesyuarat juga meluluskan Prosedur Permohonan Menara atau Struktur Komunikasi untuk membantu pelaksanaan yang seragam dan konsisten di semua PBT serta agensi / jabatan teknikal yang berkaitan di peringkat Persekutuan, negeri dan daerah bagi memudah cara penyediaan kemudahan komunikasi sebagai utiliti awam ketiga selepas air dan elektrik di seluruh negara.

**v. Prosedur Permohonan bagi Penyediaan Penginapan Pekerja Secara Jangka Pendek**

Mesyuarat juga meluluskan Prosedur Permohonan bagi Penyediaan Penginapan Pekerja Secara Jangka Pendek yang dapat membantu pihak terlibat bagi menangani permasalahan penginapan pekerja terutama melibatkan pekerja asing sebagai inisiatif penyelesaian jangka pendek.

Prosedur ini terpakai dalam tempoh tiga tahun iaitu bermula tahun 2021 hingga 2023. Bagi perancangan yang lebih tersusun pada masa akan datang, penyediaan Penginapan Pekerja Berpusat (CLQ) dilihat sebagai kaedah terbaik.

KPKT juga telah mengeluarkan Prosedur Permohonan Permit Sementara Bangunan bagi Rumah Pekerja dalam Tapak Bina pada 18 Disember 2020 sebagai satu penambahbaikan prosedur operasi standard (SOP) baharu yang akan diterapkan di dalam Manual OSC 3.0 Plus yang telah diluluskan pelaksanaannya sebagaimana surat Pekeliling KSU KPKT Bil. 1 Tahun 2020 bertarikh 13 Februari 2020. Penyediaan SOP ini merupakan satu inisiatif kerajaan terutama di peringkat PBT bagi memudah cara industri pembinaan dalam tempoh pasca COVID-19.

**vi. Garis Panduan Pasar Sejahtera di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan**

Mesyuarat juga meluluskan Garis Panduan Pasar Sejahtera yang dapat diguna pakai di peringkat PBT agar dapat memudah cara serta memberi panduan kepada PBT, pengurusan fasiliti pasar, peniaga dan pemegang taruh dalam urusan berkenaan kerja-kerja menaik taraf atau baik pulih pasar sedia ada dan pembangunan pasar baharu di kawasan PBT serta menambah baik pengurusan pasar secara amnya melalui penyeragaman keperluan sesuatu pasar di kawasan PBT.

**YB DATUK HAJAH ZURAIDA KAMARUDDIN**  
**MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
**2 Mac 2021**

**-TAMAT-**